

15/03/2001

ILP pusat pendidikan asas komputer luar bandar

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara akan digunakan sebagai tempat memberi pendedahan asas mengenai komputer kepada penduduk luar bandar.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata beliau sudah mengarahkan semua pengetua ILP membenarkan masyarakat sekeliling dan luar bandar mengikuti program latihan komputer secara percuma pada setiap hujung minggu di pusat berkenaan.

"Bagi menggalakkan orang ramai mengikuti program itu, saya juga sudah mengarahkan semua pengetua ILP terbabit bukan saja menyediakan sedikit makanan kepada mereka malah menyediakan pengangkutan untuk mengangkut mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau berkata, program memberi pendedahan asas mengenai komputer kepada penduduk luar bandar adalah susulan daripada Perhimpunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-Ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu.

Katanya, program peringkat negeri yang mula dijalankan sejak awal bulan ini memberi tumpuan kepada penduduk luar bandar khususnya belia.

Dr Fong berkata, antara matlamat utama program itu ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan ICT.

(END)